

26 AUG 2002

Seminar-Mahathir

PERDANA MENTERI SAMPAI UCAPTAMA PADA SEMINAR PERINDUSTRIAN

PULAU PINANG, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyampaikan ucap tama pada Seminar Sektor Perindustrian di Pulau Pinang sepanjang 30 tahun sempena lawatan kerja sehari beliau ke negeri ini esok.

Perdana Menteri juga akan menyampaikan anugerah kepada lapan syarikat multinasional yang merupakan kelompok pelopor yang melabur dalam sektor perindustrian di negeri ini.

Jurucakap Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berkata lapan penerima itu ialah Advanced Micro Devices, Agilent Technologies, Clarion Malaysia, Hitachi Semiconductor, Fairchild Semiconductor, Intel Technology, OSRAM Opto Semiconductor dan Robert Bosch Malaysia.

Seminar anjuran PDC itu akan dihadiri kira-kira 200 peserta terdiri daripada Presiden, Naib Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat multinasional di Hotel Equatorial, di sini.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz juga dijadual menghadiri seminar itu.

Sempena lawatan kerja beliau ke Pulau Pinang, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas pada kira-kira 12.30 tengah hari esok akan disambut oleh lebih 1,000 orang anggota Barisan Nasional (BN) negeri.

Dr Mahathir dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada lewat petang.

-- BERNAMA

NER NAK